

berita pkink

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

John Doe



Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Bil. 2/2007

April - Jun R. Awal - J. Awal 1428

www.pkink.gov.my

Edaran Percuma

KDYMM AL-SULTAN KELANTAN DAN RAJA PEREMPUAN KELANTAN

Mencemar Duli Ke Perasmian TIBA

Pasir Putih - 15 Mei 2007 bersamaan 27 Rabulakhir 1428, KDYMM Al-Sultan Kelantan dan Raja Perempuan Kelantan mencemar duli turun ke Tok Bali bagi merasmikan Terminal Ikan Tok Bali (TIBA) di Tok Bali, Semerak. Turut hadir ialah YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Ahli-Ahli Exco dan Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Pembinaan projek Kemasin Semerak telah mewujudkan satu jalan air dan pusat pendaratan ikan yang strategik di Tok Bali. Menurut perangkaan Perikanan, dengan wujudnya Kuala Tok Bali nilai hasil tangkapan ikan telah meningkat daripada RM5 juta setahun

pada 10 tahun dahulu kepada RM150 - RM200 juta setahun pada masa ini. Kini terdapat kira-kira 432 buah bot berdaftar di kawasan Tok Bali dengan hasil tangkapannya tahunan sebanyak 2,963 tan metrik dan dijangka akan meningkat kepada 10,000 tan metrik pada tahun 2010.


Dengan terbinanya TIBA, sudah pasti akan dapat memangkinkan lagi potensi industri perikanan di Kelantan. PKINK melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) telah membangun semula dan menaik taraf kawasan pendaratan ikan di Tok Bali yang tidak terurus sebelum ini. Dengan jumlah kos sebanyak RM3.5 juta pembinaan TIBA telah dimulakan pada September 2004 dan siap sepenuhnya pada Mei 2006.

Dengan pembinaan terminal pendaratan sepanjang 105 meter, ianya mampu menampung 18 buah bot kelas 'C' pada satu-satu masa. Selain daripada terminal pendaratan, TIBA juga menyediakan beberapa kemudahan lain yang antaranya;

1. Gerai jualan ikan dengan 30 buah tuku
2. 30 lot gerai jualan sayur dan barangan kering
3. 2 unit ruang pejabat
4. Kemudahan utiliti seperti tandas, bekalan air, jalan dan lain-lain.

Memandangkan kedudukan Tok Bali yang begitu strategik dari segi industri perikanan dan industri pelancongan, PKINK akan memanfaatkan kedudukan ini sebaik mungkin. Fasa II pembangunan kawasan Tok Bali sedang dalam pembinaan dengan peruntukan dari Kementerian di bawah RMK9 sebanyak RM3.0 juta. Pembinaan bermula November 2006 dan dijangka siap sepenuhnya Akhir tahun 2007. Antara komponen yang terdapat dalam pembinaan fasa II ialah:

1. 8 unit gerai makan berkelompok
2. 2 unit restoran makanan laut
3. 8 buah wakaf
4. Pusat informasi pelancongan
5. Jeti pelancongan



Sidang Editor

PENAUNG

YABrs.Tuan Haji Wan Yahya
Wan Salleh

PENASIHAT

YBrs.Tuan Haji Wan Adnan
Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj.Taib

EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

YM.Tengku PetraTengku Wook

PENGARANG

Pn. Sofia Aizan Che Soh
Pn. Zakiah Mohamed
Pn. Hawa M. Salleh
En. Mohd Ramli Hamzah

JURUFOTO

YM.Tengku PetraTengku Wook

Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN

SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan
Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8-11,

Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan.

www.pkink.gov.my.

tel: 09-7414141 fax: 09-7414140


Rekabentuk & Dicetak oleh:
PERCETAKAN ZULRAHIM SON. BHD.

Lot 1811, Bangunan KPKB,

Paya Rambai, Jalan Bayam,

15200 Kota Bharu,Kelantan.

Tel: 019-9976513 , 013-9438881



Dari Meja Ketua Editor

"Dan tetaplah memberi peringatan,
kerana sesungguhnya peringatan itu
bermanfaat bagi orang-orang yang
beriman" - Az-Zariat:55

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bertemu lagi dalam Berita PKINK Bilangan 2 2007.

Islam menyuruh umatnya supaya sentiasa ingat mengingati dan berpesan-pesan kepada perkara yang baik di antara satu sama lain. Rasulullah S.A.W dalam menyampaikan seruan dakwah dan ajaran Islam terhadap umatnya menggunakan konsep peringatan (tazkirah) untuk menyebarkan dakwah Islam.

Dalam hal ini, sebaik-baik peringatan bagi umat manusia ialah mati kerana dengan mengingati mati, insan yang menghayatinya akan sentiasa bekerja dengan bersungguh-sungguh dan melakukan perkara yang terbaik sebagai persiapan menghadapinya.

Sebab itu, konsep bekerja secara itqan atau secara tekun dan bersungguh-sungguh telah menjadi satu prinsip teras yang ditekankan dalam konsep dan amalan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sejak tahun 1990.

Tazkirah juga penting kerana ia amat berkait rapat dengan konsep menuntut ilmu. Atas dasar ini, pihak pengurusan PKINK sentiasa menggalakkan semua anggotanya menuntut ilmu dan belajar secara berterusan sama ada melalui kursus dan latihan yang diikuti oleh anggota, program tazkirah dan kuliah ilmu dan galakan membaca di kalangan anggota.

Proses menuntut ilmu mestilah berterusan. Umat Islam yang berjaya dan ingin menerajui dan berada di hadapan mestilah umat yang berilmu pengetahuan. Seperti kata berikut, "when you stop learning, you stop leading".

Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama saling berpesan-pesan antara satu sama lain di kalangan keluarga PKINK bagi kita melahirkan warga kerja yang taat dan patuh kepada ajaran agama sebagaimana tuntutan Al-Quran dan Sunnah, yang akan melaksanakan tugas dan bekerja dengan penuh amanah dan tanggungjawab demi kecemerlangan agama, organisasi dan negeri Kelantan.

16 May 2007

Kelantan maju selangkah lagi ke hadapan apabila agensi pembangunan negeri, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menandatangani perjanjian usahasama dengan CNMC Goldmine Ltd, China untuk melaksanakan kerja-kerja perlombongan emas di Sokor, Tanah Merah.

Dalam ucapannya, wakil CNMC mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan kerana telah memberi peluang kepada CNMC untuk meneroka dan menggunakan kapakaran mereka di Sokor.

Dalam majlis menandatangani perjanjian tersebut, CNMC diwakili oleh Pengerusinya, Mr. Zhang Jian dan Kerajaan Kelantan diwakili oleh Timbalan Menteri Besar, Dato' Hj. Ahmad Yakob. Menurut Mr. Zhang, pakar geologi CNMC akan memulakan kerja-kerja penerokaan tapak dalam jangka masa terdekat.

Perlombongan emas di Sokor ialah merupakan projek 'flagship' bagi CNMC Goldmine Limited dan bakal menjadi kawasan perlombongan emas yang utama di Malaysia selain dari Lombok Mamut di Sabah dan Lombok Penjom di Pahang. Apabila dibangunkan, Sokor dijangka menjadi salah satu kawasan perlombongan emas yang terbesar di Malaysia Barat.

Pengeluaran emas secara komersial dijangka dapat dimulakan pada suku ketiga tahun 2007.



CNMC GOLDMINE LIMITED TANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA MELOMBONG EMAS DI KELANTAN

Kawasan emas Sokor meliputi kawasan seluas 2,370 ekar terletak di Jajahan Tanah Merah, Kelantan. Sokor terletak sejauh 25 kilometer dari barat daya bandar Tanah Merah ke Kampong Bukit Pauli melalui Kampong Gual Ipoh dan 27 kilometer lagi ke Sungai Ketubong.

Menteri Besar Kelantan dalam ucapannya berkata kapakaran yang dimiliki syarikat dari China itu telah meyakinkan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan industri perlombongan emas di Sokor. "Kerajaan Negeri bersetuju menerima tenaga pakar dari negara tersebut dengan syarat rakyat tempatan turut diberi peluang untuk

menyumbang tenaga mereka dalam industri ini" katanya kepada pemberita selepas menyaksikan perjanjian tersebut.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri akan memastikan aktiviti melombong yang dijalankan tidak akan memberi kesan buruk kepada alam sekitar dan pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Dato' Haji Ahmad Yaacob, Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Husam Musa, YB Dato' Anuar Tan Abdullah, Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Ketua Eksekutif PKINK dan pegawai-pegawai PKINK.

Tanah Merah, 1 Rabiulakhir 1428 bersamaan 19 April 2007, Permodalan Kelantan Berhad, anak Syarikat PKINK telah merasmikan bangunan barunya yang terletak di Lot PT110, Jalan Cempaka, Tanah Merah. Perasmian bangunan baru ini telah disempurnakan oleh YB Haji Mohd Amar Nik Abdullah Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pendidikan, Sains dan Teknologi.

Ar-Rahn merupakan usaha murni Kerajaan Kelantan melalui Permodalan Kelantan Berhad di dalam memberi peluang bermuamalah berlandaskan syariat yang mengutamakan

konsep adil, telus dan mudah, dan ianya mula diperkenalkan sejak dari tahun 1992. Objektif utama skim ini adalah untuk mengadakan perkhidmatan pembilangan mikro kredit secara Islam. Perniagaan pajak gadai mempunyai potensi yang besar di negara ini. Sehingga 2004, baki pinjaman seluruh pajak gadai negara adalah sebanyak RM1.2 bilion, yang sebahagian besarnya dikuasai oleh pajak gadai konvensional. Peranan yang dimainkan oleh pajak gadai Islam hanyalah sekitar 20% sahaja.

Menedari hakikat inilah Kerajaan Negeri melalui PKB-PKINK telah melipatgandakan usaha untuk menyediakan perkhidmatan pajak gadai Islam secara

tersusun. Sejak ditubuhkan, sebanyak RM610 juta pinjaman telah dikeluarkan. Baki pinjaman telah meningkat sebanyak

20% setahun dan sehingga kini baki pinjaman telah mencecah sebanyak RM40 juta. Bilangan pelanggan yang telah mendapat manfaat telah meningkat sebanyak 5.4% iaitu seramai 107,426 dalam tahun 2006 berbanding dengan 101,889 orang pada tahun 2005.


Sehingga kini, 11 cawangan Ar-Rahn telah dibuka dan Ar-Rahn Tanah Merah merupakan

salah satu cawangan yang terbesar dengan jumlah gadaian sebanyak RM12.7 juta, dan bilangan penggadai kini seramai 16,844 orang. Sehingga akhir tahun 2006 baki pinjaman ialah sebanyak RM5.1 juta.

Strategi pembangunan sistem Ar-Rahn telah dikenalpasti melalui dua cara, penubuhan cawangan ke seluruh negeri dan negara oleh PKB dan kedua melalui sistem francais. Melalui strategi 1, beberapa cawangan baru akan dibuka seperti Gua Musang dan Gombak Kuala Lumpur.

AR-RAHN TERUS BERKEMBANG DENGAN PEMBUKAAN CAWANGAN BARU DI TANAH MERAH

Manakala melalui strategi 2, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah pun meluluskan cadangan Francais Ar-Rahn oleh PKB. Melalui sistem ini peluang diberi kepada koperasi-koperasi lain serta individu-individu yang berminat untuk menceburkan diri dalam Sistem Gadaian Islam di seluruh negara.





KONVENTSYEN PROGRAM USAHAWAN MUDA

Konvensyen Program Usahawan Muda (PUM) samada di peringkat negeri mahupun peringkat nasional merupakan kemuncak atau klimaks yang ditunggu-tunggu oleh keseluruhan peserta yang terpilih untuk mengikuti program tersebut. Biarpun banyak kategori yang dipertandingkan dan ada hadiah-hadiah yang disediakan namun matlamat sebenar konvensyen bukannya memburu kejuaraan tetapi ianya bertujuan untuk menilai tahap kefahaman, keberkesan dan pencapaian sebenar peserta setelah mengikuti program untuk tempoh satu tahun.

Konvensyen Program Usahawan Muda Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan pada 28-30 April 2007 bertempat di Perdana Resort. Acara sukanika dan beberapa slot ceramah terpaksa dikeluarkan daripada program konvensyen pada tahun ini kerana memberi laluan kepada persembahan syarikat di mana kontingen yang menyertai konvensyen pada kali ini telah meningkat kepada 30 kontingen berbanding 16 kontingen pada tahun lepas. Hasil daripada kerja keras dan komitmen para peserta yang mengikuti program, keputusan pada konvensyen kali adalah bercampur-campur di mana kontingen luar bandar dan sub-bandar telah menunjukkan peningkatan dan mula memberi saingan kepada kontingen-kontingen elit yang sebelumnya berada dalam zon selesa.

Keputusan penuh konvensyen kali ini adalah sebagaimana berikut:-

- | | | |
|---------------------------|---|--|
| Pengetua Terbaik | : | Tuan Hj. Abdul Rahim bin Otsman
SMK (A) Falahiah, Pasir Pekan. |
| Guru Pembimbing Terbaik | : | En. Ramli bin Mohamad
Maahad Muhammadi, Pasir Mas |
| Pengurus Syarikat Terbaik | : | Mohd Shazwan bin Mohd Amin
Maahad Muhammadi, Pasir Mas |
| Perkhidmatan Terbaik | : | Syarikat Diamond Elit Sdn. Bhd.
Sek. Men. Keb. Melor, Kota Bharu. |
| Produk Terbaik | : | Syarikat Glorious Sdn. Bhd.
Maahad Muhammadi (P),
Jalan Merbau |

- | | | |
|----------------------------|---|---|
| Produk Kreatif Terbaik | : | Syarikat Sauratullami'ah Sdn. Bhd.
Maahad Muhammadi, Pasir Mas |
| Syarikat Paling Berpotensi | : | Syarikat BC Linux Sdn. Bhd.
Sek. Men. Keb. Bandar Chiku, Gua Musang. |
| Persembahan Terbaik | : | Syarikat De Entrepreneurial Espirit De Corps Sdn. Bhd. |
| Syarikat Terbaik | : | Syarikat Sauratullami'ah Sdn. Bhd. |
| Johan | : | Maahad Muhammadi, Pasir Mas |
| Naib Johan | : | Syarikat Evo-Paragon Sdn. Bhd.
SMK (A) Falahiah, Pasir Pekan |
| Ketiga | : | Syarikat De Entrepreneurial Espirit De Corps Sdn. Bhd.
Maahad Muhammadi (L),
Jalan Pengkalan Chepa. |

Pemenang bagi setiap kategori di peringkat negeri telah dipilih untuk mewakili Kontingen Negeri Kelantan ke Konvensyen Program Usahawan Muda Peringkat Nasional Ke 11 yang diadakan di PERSADA JOHOR, Johor Bharu pada 25-28 Mei 2007. Oleh kerana kekurangan tenaga kerja dan komited dengan tugas lain, latihan intensif kepada peserta yang bertanding hanya dapat dijalankan pada saat akhir sahaja. Biarpun begitu dengan suntikan semangat dan jatidiri yang kukuh peserta yang bertanding mewakili Kontingen Negeri Kelantan tetap mampu memberi saingan dan mendapat pujian yang memberangsangkan. Biarpun sekadar memenangi Tempat Ketiga Kategori Kuiz Keusahawanan, kami tidak sedikitpun merasa terkilan kerana yang pentingnya tahap keberkesan dan pencapaian program dan keseluruhan peserta telah menunjukkan peningkatan. Insya Allah kami akan berusaha lebih keras lagi untuk terus bersaing di Peringkat Nasional pada masa akan datang.

LATIHAN PENGUCAPAN AWAM DAN PERSEMBAHAN LAPORAN SYARIKAT

Program Usahawan Muda (PUM) kini kian berkembang di mana banyak sekolah telah memohon secara terus untuk mengikuti program tersebut. Namun kekurangan tenaga di Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) tidak memungkinkan permohonan sekolah-sekolah tersebut dapat diterima. Tumpuan latihan bagi tahun 2007 adalah 43 buah sekolah yang sedia terpilih manakala yang selebihnya akan dipilih semula untuk sesi 2008 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kelantan (JPN) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Selain daripada memberikan latihan dan bimbingan sebagaimana modul yang telah digariskan oleh pihak kementerian, BPU selaku Sekretariat telah mengenalpasti beberapa kelemahan dikalangan peserta yang mengikuti program dan ianya perlu diberi perhatian dan bimbingan tambahan secara berperingkat. Kelemahan ketara yang dikesan ialah kebanyakan peserta program tidak boleh membuat pengucapan awam secara berkesan sekaligus mereka gagal untuk membuat Persembahan Laporan Tahunan Syarikat dengan baik dan berkesan. Bagi mengatasi masalah tersebut pihak Sekretariat telah mengambil inisiatif dengan mengendalikan Bengkel Pengucapan Awam dan

Persesembahan Laporan Tahunan Syarikat dalam dua peringkat. Peringkat pertama telah diadakan di Dewan Sek.

Men. Keb. Tanah Merah I pada 21/03/07 dan peringkat kedua pada 5/04/07 bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Bengkel pengucapan ini telah memfokuskan tentang teknik-teknik menghilangkan rasa gemuruh & kegugupan, kawalan nada suara, pergerakan di pentas & sedar ruang, bahasa badan & gaya persembahan dan yang paling utama mengikiskan terus persembahan dalam gaya pidato atau debat kerana secara realitinya persembahan syarikat atau korporat adalah lebih relaks dan santai. Pun begitu, personaliti, keterampilan, tatabahasa, lengkok suara dangan inti atau isi persembahan mestilah seimbang. Biarpun tidak dapat membuat peningkatan secara drastik, namun perubahan yang agak ketara dikalangan semua peserta yang terlibat telah dapat disaksikan semasa Konvensyen Program Usahawan Muda Peringkat Negeri Kelantan.



LATIHAN PENJAJA DAN PERNIAGA KECIL KELANTAN SIRI 1/2007

Penjaja & peniaga kecil secara majoritinya adalah mereka yang menceburti bidang perniagaan sebagai satu kerjaya yang menyumbangkan pendapatan untuk kehidupan sendiri dan menyara keluarga. Tidak dinafikan mereka memang berminat dan komited dengan bidang yang mereka pilih. Pun begitu sebahagian besar daripada mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang bidang perniagaan kerana tidak berpeluang mengikuti kursus-kursus dan latihan secara formal. Oleh yang demikian mereka menghadapi beberapa masalah atau kerumitan dalam menjalankan bisnes mereka.

Menyedari keadaan tersebut dan matlamat ingin membantu dan membimbing agar masalah dan kerumitan yang dihadapi tidak berterusan sebagai satu kemelut, Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) telah mengambil inisiatif dengan mengendalikan kursus khas untuk penjaja & peniaga kecil. Program ini merangkumi banyak modul yang berkaitan perniagaan secara formal dan sekiranya diikuti dengan

sabar dan teliti tidak mustahil kumpulan ini dapat memperkembangkan perniagaan yang mereka ceburi dengan lebih cepat dan berkesan.

Program ini telah dibahagikan kepada tiga siri berasingan mengikut prioriti modul manakala bilangan peserta dihadkan kepada 45 orang sahaja agar tumpuan bantuan penyelesaian masalah dikalangan peserta dapat dipertingkatkan. Kursus Siri 1/2007 telah diadakan pada 17-19 Mei 2007 bertempat di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan. Bermula pada jam 8.30 pagi dan tamat kira-kira jam 12.00 malam, modul-modul yang telah disediakan bagi pengisian slot siri 1 ialah taklimat khas tentang kursus dan pengenalan kepada bidang perniagaan, ujian kompetensi keusahawanan, rumusan & pengisian ciri-ciri keusahawanan, motivasi kecapaian diri, pengurusan sumber manusia, perundangan perniagaan dan pengurusan operasi perniagaan.

Program latihan Siri 2/2007 dengan pendedahan modul yang yang lebih kompleks dan mencabar akan menyusul dalam masa terdekat.

Program Pembangunan Francais (PPFT) yang dilaksanakan semenjak tahun 1992 merupakan salah satu strategi kerajaan untuk membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB). Untuk mencapai matlamat tersebut terdapat tujuh aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan iaitu:-

- Promosi
- Program Khas Berpakej
- Latihan
- Pembiayaan
- Pembangunan Produk
- Jaringan
- Kajian

SEMINAR PENDEDAHAN FRANCAIS PERINGKAT NEGERI KELANTAN

Menyedari bahawa perniagaan francais berkembang pesat hingga ke peringkat global, mampu memberi pulangan kepada pengusaha, memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat bahkan menjamin jangka hayat perniagaan yang diceburi maka sudah semestinya satu kerugian jika peluang sebegini dibiarkan berlalu begitu sahaja. Oleh yang demikian, PKINK bersama Perbadanan Nasional Berhad telah menganjurkan Seminar Pendedahan Francais Peringkat Negeri Kelantan pada 19 Jun 2007 bertempat di Hotel New Pacific, Kota Bharu dan dihadiri seramai 200 orang peserta.



Seminar sehari ini telah dirasmikan oleh YABrs. Tuan Hj. Wan Yahya b. Wan Salleh, Ketua Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Penganagan seminar ini adalah untuk :-

- Memberi pendedahan & pengetahuan mengenai peluang dan aspek-aspek berkaitan sistem perniagaan francais.
- Menyampaikan maklumat dan penerangan mengenai program-program kerajaan untuk melahirkan usahawan francais.

- Memberikan maklumat mengenai skim-skim pelaburan dan pembiayaan oleh pihak kerajaan.
- Mengenalpasti dan memperolehi maklumat daripada usahawan mengenai produk-produk tempatan yang berpotensi untuk difrancaiskan.


Selain daripada mengikuti pembentangan kertas kerja dari para penceramah, sesi soal jawab dipenghujung program terus hangat dengan pelbagai soalan dari kalangan peserta yang inginkan penjelasan yang lebih jelas tentang bidang perniagaan yang mereka berminat untuk ceburi.

Kepada semua peserta diharap dapat merebut dan memanfaatkan sepenuhnya peluang-peluang yang telah dirangka oleh pihak kerajaan untuk mereka ceburi.



PAMERAN AGENSI KERAJAAN NEGERI SEMPENA

MUKTAMAR PAS PUSAT KALI KE 59



Pengkalan Chepa, 30 Mei - 3 Jun 2007, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah menyertai pameran Agensi-Agenzi Kerajaan Negeri Kelantan sempena Muktamar Tahunan PAS Pusat Kali Ke-53 yang telah diadakan di Pusat Tarbiah Islamiyah Kelantan (PUTIK).

Penyertaan PKINK adalah bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih jelas tentang fungsi dan peranan PKINK di dalam membangunkan ekonomi negeri Kelantan dahulu dan kini. Tema pameran pada kali ini bertajuk "Menerajui Perubahan". Kerajaan Kelantan melalui PKINK telah mempelopori beberapa perkara seperti membina rumah kediaman dengan sekurang-kurangnya 3 bilik tidur, memperkenalkan Pajak gadai Islam, menubuhkan pusat perubatan khusus untuk wanita dan juga memperkenalkan dinar emas Kelantan.

Selain pameran bagi memberi maklumat yang lebih jelas tentang perkembangan dan Projek-projek Kumpulan PKINK di bawah pemerintahan kerajaan sekarang kepada peserta muktamar yang datang dari seluruh negara, penjualan dinar emas Kelantan turut diadakan.

E-Aduan dan E-Payment untuk AGENSI terpilih

Agenzi-agensi kerajaan serta pihak berkuasa tempatan sekitar Kota Bharu baru-baru ini telah didedahkan mengenai sistem e-aduan dan e-payment melalui kursus 3 hari pada 21 – 23 Mei 2007 yang berlangsung di makmal komputer tingkat 7 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan.

Kursus tersebut merupakan anjuran Pusat Maklumat Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri di mana ia dirasmikan oleh En. Abdullah Yusoff, Timbalan Pengarah Wilayah dan Maklumat Negeri. Fasilitator bagi sesi e-Aduan

ialah En Mohd Norhisham dari Pusat Maklumat Negeri manakala En Nasaruddin dari 3 Tier Sdn Bhd merupakan fasilitator bagi sesi e-payment.

Kursus tersebut bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada peserta berhubung dengan kaedah penggunaan sistem e-Aduan Kelantan dari aspek sudut pengguna awam, pengadu mahupun sebagai pentadbir mengikut prosedur dan standard yang ditetapkan.

Mereka juga ditunjuk ajar mengenai kaedah penggunaan e-Payment yang



baru 2 bulan dilancarkan. E-payment merupakan portal pembayaran untuk memudahkan pengguna membuat sebarang transaksi pembayaran hasil kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala e-Aduan Kelantan menyediakan saluran perkhidmatan kemudahan membuat sebarang aduan oleh rakyat negeri ini dan kedua-dua khidmat tersebut boleh dicapai melalui <http://www.kelantan.gov.my> Kursus tersebut telah dihadiri oleh seramai 60 peserta.

SESI PERCAMBAHAN FIKIRAN KUMPULAN PENGURUSAN PKINK

Cameron Highland, 19 - 22 April 2007 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah mengadakan satu sesi percambahan fikiran untuk anggota-anggota Pengurusan PKINK dan Syarikat Anak Kumpulannya.

Seramai 40 anggota yang terdiri daripada Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak dan juga Penolong Pengurus Bahagian PKINK telah berkampung di Hotel Equatorial, Cameron Highland selama empat hari tiga malam. Tajuk utama perbincangan adalah tertumpu kepada halatuju kumpulan PKINK dalam tempoh lima tahun akan datang.

Program seperti ini diadakan setiap empat hingga lima tahun sekali, yang mana kali terakhir sebelum ini diadakan di Tasik Kenyir, Terengganu. Pada kali ini perbincangan adalah banyak tertumpu

kepada penerokaan sektor baru untuk PKINK di samping membaik pulih sektor yang sediada. Moderator untuk sepanjang sesi percambahan fikiran ini dipimpin oleh Prof Madya Dr. Mazlan Che Mat dari K-Provam Sdn Bhd.





LAWATAN ILMIAH, ANGGOTA PKINK

Seramai 30 anggota PKINK yang terdiri dari ahli Majlis Bersama Jabatan, Ahli Jawatankuasa Induk KSK PKINK, Ahli Jawatankuasa Biro Kebajikan dan Dakwah, Biro Pelancongan dan Rekreasi dan Biro KEKWA telah mengadakan lawatan ke Agensi-Agenzi Kerajaan iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Parlimen dan Cuepacs.

Rombongan ini diketuai oleh Tuan Haji Nik Mohamed Kamal Nik Yusoff Pengurus MIS yang juga Setiausaha Kehormat KSK PKINK. Rombongan bertolak ke Kuala Lumpur pada 27 Jun 2007 dengan sebuah bas dari perkarangan bangunan PKINK dan sampai di tempat penginapan Grand Pacific Hotel kira-kira jam 5.00 petang.

Hari pertama lawatan, rombongan di bawa ke Putra Jaya untuk berkunjung ke MECD, dan di sana rombongan diberi taklimat oleh pegawai dari MECD tentang peranan dan peluang-peluang pembiagaan yang disediakan oleh MECD untuk usahawan-usahawan dan bakal usahawan. Rombongan seterusnya melawat JPA dan mengikuti taklimat yang telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah JPA. Sementara pada sebelah petangnya rombongan di bawa ke Bangunan Parlimen untuk mendengar dan melihat lebih dekat suasana persidangan dewan rakyat.

Pada hari kedua lawatan, rombongan telah mengadakan kunjungan rasmi ke PKNS dan disambut oleh Timbalan Pengurus Besarnya serta mengikuti taklimat berkenaan peranan PKNS dalam pembangunan negeri Selangor.

Selain itu rombongan juga diberi taklimat tentang program dan aktiviti Kelab dan Rekreasi PKNS yang disampaikan oleh Setiausaha Kehormatnya. Rombongan PKINK seterusnya diraikan dengan jamuan tengahari sebelum berlepas ke pejabat Cuepacs. Pada sebelahnya, rombongan telah mengadakan kunjungan ke pejabat Cuepacs dan mengikuti taklimat yang disampaikan oleh Setiausaha Agungnya.

Pada hari ketiga sebelum berlepas pulang, rombongan sempat singgah di bangunan KLCC dan melawat sekitar menara berkembar Petronas.



LAWATAN PELABUR

LAWATAN PEGAWAI KEDUTAAN JEPUN DI KUALA LUMPUR DAN PEGAWAI-PEGAWAI JETRO KE KELANTAN

Kota Bharu, 28 Mei – Pegawai-pegawai dari Kedutaan Jepun dan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO) telah melakukan lawatan ke negeri Kelantan pada 28 hingga 29 Mei 2007 yang lalu bertujuan meninjau pembangunan negeri ini dari aspek ekonomi dan perindustrian.

Pegawai-pegawai berkenaan terdiri dari Mr. Osafumi Kio dari Kedutaan Jepun, Mr. Akira Yamazaki dan Ms. Ayako Hashimoto dari JETRO. Pegawai berkenaan telah mengikuti taklimat

dari pihak UPEN Kelantan pada 28 Mei dan telah dibawa melawat dua syarikat Jepun iaitu Rohm-Wako Electronics (M) Sdn Bhd dan Marulee (M) Sdn. Bhd. di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa pada 29 Mei 2007, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.



DELEGASI PERDAGANGAN THAILAND LAWAT KELANTAN

Kota Bharu, 6 Jun – Seramai 27 anggota rombongan delegasi perdagangan Thai telah mengadakan lawatan ke Kelantan pada 6 Jun lalu. Lawatan tersebut diketuai oleh Timbalan Pengarah, Jabatan Perdagangan Luar, Kementerian Perdagangan Thailand, Mr. Ittipol Changlam. Beliau diiringi oleh 8 orang pegawai kanan dari Jabatan Perdagangan Luar Thailand dan pegawai dari Wilayah-Wilayah Nakhon-Sri Thammarat, Pathalung


dan Suratthani.

Delegasi tersebut turut disertai oleh Konselor dan pegawai dari Kedutaan DiRaja Thai di Kuala Lumpur dan ahli perniagaan Thailand dalam pelbagai sektor seramai 16 orang.

Delegasi telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh pihak UPEN dan PKINK serta turut mengadakan perbincangan dengan pihak Tenaga Nasional Berhad Kelantan dan sesi 'business matching' bersama ahli-ahli perniagaan dan syarikat di Kelantan.

Rombongan telah diraikan pada majlis makan tengahari di Hotel Perdana, Kota Bharu sebelum mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama Dewan Perniagaan dan Perdagangan Malaysia.

PELABUR JERMAN LAWAT KELANTAN



Kota Bharu, 20 Mei – Pada 20 Mei yang lalu Syarikat Manakas Frankfurt dan Syarikat MPV dari Jerman telah mengadakan lawatan ke Kelantan selama 2 hari dalam rangka lawatan mereka ke Malaysia.

Syarikat Manakas Frankfurt diwakili oleh Pengarah Urusannya, Mr

Jonannes Manakas dan Syarikat MPV oleh Pengarah Urusannya Mr. Kai Haacke. Lawatan kedua-dua syarikat besar Jerman ini ke Kelantan ialah bagi meninjau peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negeri Kelantan.

Rombongan syarikat dari Jerman ini telah diberi taklimat ringkas oleh Ketua Eksekutif PKINK sebelum diraikan dalam majlis makan tengahari oleh Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Haji Zulkifli Mamat pada 20 Mei 2007 lalu.

Pada hari kedua lawatan ke Kelantan, rombongan pelabur Jerman ini telah mengadakan lawatan ke kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa, Kelantan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang.



BANKISLAM.BIZ KE PKINK



Program 'Internet Awareness' telah dilaksanakan untuk membuka ruang kepada anggota kumpulan PKINK dalam penggunaan ICT secara amnya dan khususnya penggunaan internet agar dapat dimanfaatkan untuk kemudahan umum dan juga organisasi dalam menjalankan tugas serta urusan harian masing-masing.

Bank Islam Kota Bharu telah dijemput untuk menyampaikan satu taklimat ringkas berhubung dengan produk yang mereka tawarkan khususnya yang berkaitan dengan perbankan melalui internet. Taklimat tersebut telah diadakan

pada 10 Mei yang lalu dan disampaikan sendiri oleh Pengurus Bank Islam cawangan Kota Bharu II, En. Muhd Dashuki Shukri; dibantu oleh En Haris Musa dari unit Corporate Internet Banking dan Muhsin Zafrullah Ghazy dari unit Personal Internet Banking.

Transaksi yang dibuat secara 'live' telah berjaya menarik minat mereka yang hadir malahan ada yang menyatakan hasrat untuk membuka akaun bagi membolehkan mereka untuk memulakan transaksi perbankan melalui internet mereka dengan Bank Islam.

Syabas.

KETUA EKSEKUTIF RAI ANGGOTA PKINK

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK Haji Wan Yahya Wan Salleh telah meraikan semua anggota Ibu Pejabat PKINK dan Pengurusan Syarikat Anak dalam satu majlis makan tengahari di Restoran Nasi Ulam Cikgu di Kampung Kraftangan.

Majlis yang sederhana ini telah dihadiri oleh kira-kira 130 anggota PKINK dan Pengurusan Syarikat Anak. Dalam

susana kekeluargaan semua anggota menyambut baik usaha murni Ketua Eksekutif membuat majlis kesyukuran untuk semua anggota.



PELAJAR JABATAN GEOGRAFI UM LAWAT PKINK

Kota Bharu, 20 Mei 2007 - Rombongan pelajar dari Jabatan Geografi Universiti Malaysia seramai 45 orang yang diketuai En. Amer Saifude Ghazali Pensyarah jabatan tersebut telah berkunjung ke PKINK pada 20 Mei yang lalu. Lawatan ini adalah sempena dengan program Jabatan tersebut di dalam mengadakan kajian lapangan di Kelantan pada 18 - 26 Mei 2007.

Rombongan telah diberi taklimat berkenaan peranan dan fungsi PKINK di dalam pembangunan Negeri Kelantan dan peluang-peluang perniagaan yang diwujudkan melalui pembangunan kawasan Industri dan kompleks perniagaan. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Nik Farzimah Nik Omar, Penolong Pengurus Perancangan Korporat.



INFO SIHAT

APA PERLU DILAKUKAN JIKA TERBAKAR DAN MELECUR

Terbakar dan melecur adalah merupakan kecederaan domestik yang sering berlaku dirumah. Pada ketika inilah peti pertolongan cemas amat diperlukan.

Terbakar adalah kecederaan pada kulit dan lain-lain tisu badan, disebabkan terkena haba kering. Terbakar boleh disebabkan oleh api yang menyala, objek-objek yang panas, mahupun bahan kimia atau arus elektrik. Melecur pula adalah kecederaan disebabkan oleh haba lembab, seperti air mendidih, wap atau minyak panas. Terbakar dan melecur biasanya adalah serius, selain dari kesakitan dan renjatan yang serius selepas kemalangan, ia juga akan meninggalkan kesan parut.

Bagi mereka yang terbakar dan melecur teruk, bantuan doktor amat diperlukan. Tetapi bagi mereka yang terbakar dan melecur ringan,

anda bolehlah melakukan perkara-perkara berikut:

1. Curahkanlah air sejuk ke atas bahagian angota yang terbakar selama 10 minit untuk menghentikan panas selaran dan mengurangkan kesakitan. Jika tidak terdapat air, sebarang cecair yang sejuk dan tidak merbahaya seperti susu atau minuman dalam tin boleh digunakan.
2. Tanggalkan sebarang barang kemas, jam tangan atau pakaian yang ketat dari bahagian angota yang tercedera sebelum ia menggelembung.
3. Balut bahagian luka dengan pembalut steril atau sebarang bahan yang bersih dan nipis. Tetapi ingat!
 - Jangan gunakan pembalut berpelekatan atau palster
 - Jangan pecahkan gelembung-gelembung atau menyentuh bahagian angota yang tercedera
 - Jangan sapu losyen, minyak, krim atau lain-lain bahan ke atas luka, melainkan krim untuk rawatan terbakar atau melecur.

TAZKIRAH

En. Ahmad Nazri Ismail Pen. Pengurus Projek Khas pada 14 April 2007 membincangkan Pelan Integriti Nasional (PIN) sebagai tajuk tazkirah mingguannya. PIN telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2004. Objektif umum PIN adalah bagi merealisasikan hasrat wawasan 2020 iaitu cabaran bagi membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.



PELAN INTEGRITI NASIONAL

Integriti merupakan sebagai satu kualiti dan ciri positif yang wujud secara keseluruhan pada individu dan organisasi. Ciri dan kualiti integriti mengandungi unsur ‘wholeness’ (yakni kewujudan secara berpadu sebagai keseluruhan) pada diri individu ataupun organisasi. Kalau kita bayangkan maksud integriti ini, kita dapat iaitu begitu positif sekali. Integriti juga merupakan sesuatu yang berasal dari roh yang baik. Ia datang dari dalam jiwa seseorang dan bukan boleh dilakukan atau diperlokkan.

PIN mengandungi lapan strategi pelaksanaan, En. Ahmad Nazri hanya menekankan 5 sahaja strategi tersebut, sebagaimana berikut:

Pelaksanaan Agenda Integriti untuk Institusi Keluarga. Institusi keluarga merupakan asas dalam sebuah masyarakat, dalam apa jua keadaan sekalipun pembabitan keluarga perlu dititikberatkan, bagi memastikan matlamat gerakan pemantapan integriti dapat dicapai. Institusi keluarga perlu dimantapkan dengan kerjasama setiap anggota masyarakat.

Pelaksanaan Agenda Integriti untuk Institusi Sosiobudaya. Institusi ini menyumbang kepada pembinaan modal sosial, meningkatkan kesihatan dan keceriaan, memupuk perasaan kekitaan, menangani gejala sosial dan lain-lain. Institusi ini mempunyai pengaruh besar terhadap pengukuhan integriti keluarga, komoditi dan seterusnya masyarakat negara. Dengan pemantapan integriti institusi sosio budaya kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dapat ditingkatkan.

Pelaksanaan Agenda Integriti untuk Institusi Ekonomi. Institusi Ekonomi merupakan satu komponen yang penting dalam sebuah masyarakat kerana ia adalah institusi yang bertindak untuk memakmurkan rakyat seterusnya negara melalui proses pengeluaran dan penyediaan peluang pekerjaan. Dengan memantapkan integriti institusi ekonomi, tadbir urus korporat dan etika perniagaan dapat ditingkatkan.

Pelaksanaan Agenda Integriti untuk Institusi Politik. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi dengan pemerintah dipilih melalui pilihan raya. Sayyidina Umar Ab. Aziz adalah merupakan contoh ikutan terbaik sebagai pemimpin yang gemilang integritinya. Beliau sangat benci kepada rasuah, di mana pegawai-pegawai kerajaannya yang menerima rasuah, tidak berkesan dan tidak layak telah dipecat, sehingga ramai di antara mereka cuba memberontak kerana tindakan beliau yang sangat tegas itu. Beliau telah memerintah atas dasar keadilan, ihsan, jujur dan benar, dan sentiasa memberi masa kepada sesiapa sahaja yang ingin berjumpa beliau untuk mengemukakan masalah. Semasa beliau mengambil

tampuk pemerintahan kerajaan, negara dalam keadaan porak peranda dan keadaan ekonomi

yang genting di mana wang dibaitu mal tidak mencukupi untuk pentadbiran negara. Dalam masa dua tahun setengah sahaja beliau telah

mampu memulihkan keamanan dan kestabilan ekonomi yang amat baik sehingga tidak ada orang miskin yang mahu menerima zakat, tidak ada pencuri, perompak, pengamal rasuah, bahkan negara berada dalam keadaan yang sangat aman, sehingga tidak ada seorang pun di dalam penjara. Kemantapan institusi politik akan mengurangkan gejala rasuah, salahguna kuasa dan penyelewangan secara berkesan.

Pelaksanaan Agenda Integriti untuk Institusi Pentadbiran. Agenda Integriti Pentadbiran bermatlamatkan meningkat kecekapan dalam sistem khidmat awam, mengatasi karenah birokrasi dan penyelewangan.

Integriti ataupun tabi’at yang baik itu sudah pastinya datang dari roh atau jiwa yang baik. Ini bermakna bahawa kita tidak boleh mengharapkan seseorang itu untuk menjadi baik tanpa menjadikan jiwanya baik. Dalam lain perkataan, masalah kebaikan tabi’at seseorang adalah suatu masalah dalaman atau masalah jiwa atau roh. Ia bukan boleh dibuat-buat ataupun dilakukan. Ia adalah satu genuine, sesuatu yang benar, dan sesuatu yang sama tidak kira tempat mahu pun masa. Hanya jika seseorang itu sama sahaja kelakuan dan perangainya di hadapan mahupun di belakang kita, barulah kita boleh percaya yang ia adalah seorang yang baik.

PIN adalah suatu agenda keutamaan ke arah masyarakat dan negara Malaysia yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Tazkirah yang disampaikan oleh beliau pada 16 Jun 2007, merupakan satu saranan berhubung dengan betapa pentingnya riadah bagi kita semua. Sesuatu yang mudah, percuma, menyihatkan dan mencerdaskan, namun segolongan dari kita tidak mengambil endah tentang betapa pentingnya riadah itu sendiri malahan sering disalahafsirkan dengan sukan.

Sikap riadah itu sendiri berbeza dengan sukan di mana sukan adalah lebih bersifat kompetitif dan bermatlamat untuk menang, manakala matlamat riadah itu adalah lebih bersifat kepada kebaikan tubuh badan dan mental sipelaku itu sendiri. Sebaiknya tempat untuk riadah adalah di luar di mana kita dapat memanfaatkan anugerah illahi, cahaya matahari dan udara yang segar.

Riadah yang paling mudah seperti menggerakkan anggota tangan, naik dan turun tangga sekali seminggu atau berjogging mampu membuka ruang rongga, membentuk otot, melancarkan darah, membakar lemak

serta mendorong kita menjadi cerdas serta melapangkan dada. "Kalau kata sibuk, semua sibuk, yang pentingnya nak atau tak nak. Kalau kita kata kita dah kurus dan tidak memerlukan riadah, itu silap. Sudah tentu kita tak mahu orang melihat kita kurus tapi layu....." begitulah antara kata-kata beliau.

Beliau menutup tazkirah dengan menarik perhatian kami di mana secara sedar ataupun tidak; solat lima waktu itu juga adalah riadah dan diwajibkan. Sama-sama kita fikir & nilai.....



JOM EXERCISE !!!!


OLEH NIK KAMIL AMIRAH
AKAUNTAN BHG KEWANGAN

Tazkirah yang disampaikan oleh En Ahmad Hilmi, Pen. Pengurus Bhg Pembangunan Hartanah umpama satu sesi bercerita. Walaubagaimapun isi yang hendak disampaikan tidak kurang pentingnya untuk sama-sama dijadikan tauladan dan sempadan. Sebanyak dua buah cerita telah disampaikan; pertama;

Rasulullah telah membawa satu rombongan perang dan bila sampai di mata air pertama, baginda telah mengarah sahabat untuk berhenti. Sahabat bertanya "Adakah ini perintah Allah swt atau strategi peperangan?". Apabila baginda menyatakan ianya strategi peperangan, sahabat telah menyarankan supaya terus ke mataair terakhir kerana ia adalah lebih selamat memandangkan rombongan masih ada mataair lain berehat dan merawat mangsa kelak sekiranya terpaksa berundur. Mendengar penjelasan tersebut baginda terus memerintah rombongan untuk terus ke mata air terakhir.

Moral yang dapat dirumuskan dari cerita di atas adalah; sedangkan Rasulullah swt sendiri pun mendengar nasihat sahabat-sahabat yang lain, oleh itu adalah wajar untuk pihak pengurusan juga turut merenung serta memberi laluan untuk mendengar cadangan dari anggota bawahan. Pentazkirah juga menyentuh "... juga adalah lebih baik berdebat semasa mesyuarat untuk mencari kaedah terbaik pelaksanaan projek daripada menundung jari menyalahkan satu sama lain apabila projek gagal."

Cerita kedua merupakan lebih kepada cerita rekaan di mana seorang tua memelihara ayam, kambing dan



lembu. Ada seekor tikus bersama-sama mereka dan pada satu hari tuan rumah telah memasang perangkap untuk menangkap tikus tersebut. Tikus telah merujuk kepada lembu, kambing dan ayam untuk bertanyakan cara terbaik untuk menyelamatkan diri daripada terkena perangkap tersebut. Ketiga-tiga enggan bekerjasama malahan ada yang seronok kalau tikus ditangkap. Pada satu malam tuan rumah terdengar sarang tikus tertutup dan dia telah pergi untuk melihat sangkar. Malangnya seekor ular telah terperangkap dalam sangkar tersebut dan telah sempat memumat orang tua itu. Apabila dipanggil bomoh untuk berubat, ayam telah disembelih kerana firasat bomoh sakit akan sembuh bila memakan sup ayam. Orang tua semakin tenat maka ramailah saudara mara datang menziarah dan kambing pun disembelih pula untuk menjamu hadirin. Ditakdirkan orang tua mati dan lembu pula disembelih untuk mengadakan tahil. Maka kesemuanya mati kecuali si tikus yang dikatakan makhluk perosak itu.

Iktibar dari cerita di atas, pentazkirah menyarankan supaya antara anggora PKINK hendaklah saling tolong menolong dan nasihat menasihati sekiranya sahabat melakukan perkara yang menyalahi. Mengambil berat masalah rakan walaupun semudah sikap tertidur di pejabat umpamanya. Hendaklah ditegur dan jangan kita andaikan ianya bukan masalah kita.

"Saya tiada niat dalam cerita saya untuk menyentuh sesiapa kerana saya ingin lihat PKINK berjaya dan sudah sampai masa nya orang berhenti mengata pasal kita dan yang utama kita berhenti mengata diri kita sendiri." ulas beliau menutup tazkirah.

TUNGGAK 12



En Asmadi Ab Rahman, Pen.Pengurus Bhg Pembangunan Usahawan telah memilih 'Tunggak 12' sebagai tajuk tazkirah beliau kepada warga PKINK di perhimpunan pagi 18 April 2007 yang lalu.

Himpunan ucapan-ucapan Ketua Setiausaha Negara telah dibukukan oleh INTAN dan menjadikannya sebagai satu sumber atau satu garis panduan dalam pentadbiran perkhidmatan awam.

Tajuk yang disampaikan adalah sesuatu yang boleh dikatakan biasa ditemui hatta ianya merupakan antara bahan rujukan bagi peperiksaan PTK namun penyampaiannya yang bersahaja dapat dimanfaatkan bersama. Antara nilai-nilai yang terdapat di dalam Tunggak 12 adalah :

- ◆ Menghargai masa
- ◆ Kemuliaan kesederhanaan
- ◆ Ketekunan membawa kejayaan
- ◆ Keseronokan bekerja
- ◆ Ketinggian peribadi
- ◆ Kekuatan sifat baik hati
- ◆ Pengaruh tauladan
- ◆ Kewajipan menjalankan tugas
- ◆ Kebijaksanaan berkhdmat
- ◆ Keutamaan kesabaran
- ◆ Peningkatan bakat
- ◆ Nikmat mencipta

Tazkirah yang disampaikan lebih menumpukan

kepada dua isu iaitu menghargai masa dan kemuliaan kesederhanaan. Sesuai dengan petikan "Orang yang menghargai masa menganggap masa itu emas, berlalunya masa tanpa sebarang perbuatan atau sumbangan yang berfaedah bererti satu kerugian kerana masa yang berlalu tidak akan kembali". "Dengan adanya teknologi canggih maka perhubungan menjadi semakin rapat dan banyak keputusan perlu dilaksanakan dalam masa yang singkat. Tidak bertindak segera atau melengah-lengahkan keputusan akan menyebabkan hilangnya peluang keemasan. Setiap orang diberikan masa yang sama banyak, terpalung kepada individu itu sendiri bagaimana untuk merancang masanya. Oleh itu, gunakanlah masa dengan bijak untuk setiap perlakuan kita samada ianya untuk tujuan rasmi, tidak rasmi ataupun persendirian. Pepatah sendiri ada menyatakan "Each of the time cannot bought inch of a gold" (Masa tidak boleh dibeli dengan satu inci emas sekalipun) dengan kata lainnya masa itu terlalu berharga." ulas pentazkirah.

Juga disentuh berhubung dengan penjagaan masa adalah amalan-amalan positif yang perlu ada bagi setiap pegawai kerajaan adalah seperti :

- menepati masa
- menyegerakan tugas
- mempunyai perancangan waktu
- bijak menguruskan tempoh masa yang diberikan
- menumpukan masa kepada kerja-kerja yang produktif dan kreatif
- meletakkan masa sasaran (*target date*) untuk menyiapkan sesuatu tugasan
- menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan dan meninggalkan amalan negatif seperti;
- berbual-bual kosong
- tidak menyegerakan tugas

tiada kepekaan kepentingan atau 'sense of urgency' dan seumpamanya.
tidak merancang pekerjaan
tiada keutamaan atau 'priority'
melayan tetamu yang tidak sepatutnya
meninggalkan pejabat untuk urusan peribadi
membuat kerja peribadi di pejabat
berurusniaga di waktu pejabat
membuat kerja yang tidak mustahak
ke kantin selain daripada waktu rehat
tidak peka kepada pembaziran masa

Merujuk kepada sikap kedua iaitu **kemuliaan kesederhanaan**, yang bermaksud bersifat sederhana di mana kesederhanaan adalah sifat yang menolak keterlaluan samada keterlaluan dalam menetapkan sesuatu peraturan, perbelanjaan dan sebagainya. Kesederhanaan menimbulkan keadaan yang bersih, kemas, selesa dan harmoni. Sesuatu yang keterlaluan umpannya hiasan yang berlebihan, tidak menyenangkan mata yang memandang. Begitu juga orang yang suka menggunakan perkataan-perkataan yang tidak begitu disenangi. Dalam tugas sehari-hari, sikap sederhana dalam percakapan, mengeluarkan arahan, bergaul, berpakaian sopan dan lain-lain lagi adalah penting dalam meningkatkan kecekapan sesebuah organisasi. Perbuatan seperti melambatkan kerja, ponteng kerja dan melanggar disiplin tidak boleh dibiarkan kerana ini bukanlah dianggap sederhana lagi.

Di samping memberi beberapa contoh amalan positif bagi sifat kemuliaan kesederhanaan pentazkirah juga menyentuh tentang amalan-amalan negatifnya disamping contoh situasi amalan tersebut; 'ketua yang senang diampu adalah contoh peribadi yang rendah, yang kurangnya disiplin dalam kepimpinan manakala ketua yang tegas dan adil dapat mengurangkan sikap suka mengampu.'

Mengambil kesempatan pentazkirah mengalau-alaukan pihak pengurusan untuk membuat tindakan yang sewajarnya sesuai dengan keputusan peperiksaan PTK warga PKINK serta kekosongan yang ada diisi. Wallalhu'lam.

CINTA IBU MEMBAWA KE SYURGA

Sejar dengan tema Hari Ibu tahun ini, "Dekat Padamu", KEKWAJULUNG kalinya meraikan seramai 40 pasangan ibu dan anak dalam satu majlis yang penuh meriah pada 19 Mei 2007 sebagai penghargaan yang tidak terhingga kami kepada insan yang bernama 'ibu'.

Bertempat di Restoran Sri Chengmai, Taman Sri Cemerlang, hadirin telah dihidangkan dengan santapan rohani oleh Ustazah jemputan; Ustazah Mariam seorang pendakwah bebas serta bekas

pengetua Maahad Pasir Pekan, Kota Bharu dan diteruskan dengan jamuan tengahari masakan panas Thai.

Detik yang paling indah pada hari tersebut adalah apabila anak-anak menghadiahkan ibu masing-masing dengan sejambak bunga mawar merah. Perasaan yang bercampur baur, antara senyum dan tangis, antara suka dan duka di antara ibu dan anak jelas dirasai semua. Terima Kasih Ibu, jasa dan pengorbanan mu demi kebahagiaan keluarga tidak terbalas oleh kami. Tiada kayu pengukur

yang mampu menilai dan menimbang keagungan kasih sayang ibu.

Dekatilah diri kita dengan ibu tersayang bukan sahaja pada Hari Ibu tetapi setiap masa. Kasih mereka jangan seperti embun di hujung rumput. Jadikan kasih sayang itu abadi. Khusus buat ibu-ibu yang telah kembali ke rahmatullah pula, sama-sama lah kita memanjatkan doa agar roh mereka dicururi Rahmat bersama-sama hambarNYA yang beramal soleh dan beriman. Amin...

"RESPECT IS SOMETHING WE EARN"



Petikan dari buku "Executive Achievement – Making It At The Top" oleh Robert Harblake dan JS Luther yang berjudul 'Bagaimana Pemimpin Boleh Membentuk Budaya Korporat' telah diambil sebagai isi tazkirah yang disampaikan oleh En Ridzuan Sidek, Pen Pengurus Bahagian MIS pada 23 Jun 2007.

Beliau menjelaskan bahawa istilah budaya korporat adalah hubungan nilai-nilai yang membentuk cara berkomunikasi di dalam sesuatu organisasi korporat samada sesama anggota sendiri atau antara mereka dan orang luar seperti pelanggan atau pemegang saham

atau sesiapa yang mempunyai kepentingan dengan organisasi samada mereka ahli politik maupun lembaga pengaruh. Budaya yang merangkumi etika kerja kita serta bagaimana kita berurusan memerlukan kepada pemimpin yang berkualiti, berkulit dan berani serta berfikiran jauh. Di samping menyelesaikan masalah semasa perlu juga fikir masalah yang akan tercipta di masa hadapan.

Di antara kaedah 'Pemimpin Boleh Membentuk Budaya Korporat' telah diringkaskan sebagaimana berikut;

1. Mengadakan visi dan misi korporat; pastikan penghayatan & pemahaman anggota bawahan, tahu ke mana dan bagaimana untuk mencapai visi dan misi.
2. Mencipta suasana yang selesa dan kondusif; hormat menghormati sesama pangkat dan antara anggota bawahan tanpa sikap pilih kasih

3. Membentuk nilai-nilai yang boleh diharap dan boleh dipercayai oleh anggota bawahan untuk terus dihormati
4. Mengadakan sistem imbalan bagi mengiktiraf sumbangan anggota yang berjasa; menggalakkan anggota lain lebih berpraktikal, inisiatif dan produktif. Tiada imbalan akan melemahkan anggota lain
5. Meletakkan polisi yang harus diikuti oleh semua anggota dalam organisasi; dan mengakuri polisi tersebut sendiri
6. Mengadakan sistem yang dapat menentukan pergerakan maklumat; pergerakan dinyatakan dengan jelas mengikut protokol tanpa mengeneikan pengurus walaupun perlu berurusan dengan pegawai bawahan
7. Menunjukkan sikap kepemimpinan dalam membuat keputusan serta sikap; di samping merancang penglibatan dan penggunaan anggota dalam organisasi secara optima

Beliau juga menyeru pegawai-pegawai agar bersikap lebih terbuka dan boleh menerima teguran daripada anggota bawahan serta bekerja sebagai satu pasukan.

AL-FATIHAH



Pada 25 Jun 2007 jam 1.15 tengahari kita dikejutkan dengan berita kematian Cik Wan Robiah Wan Ahmad di Tingkat 8, Bangunan PKINK. Beliau sebelum ini hanya demam biasa dan mengunjungi klinik pada pagi tersebut tiba-tiba mengadu sesak nafas, selepas pasukan paramedik tiba beliau disahkan kembali kerahmatullah. Jenazah beliau telah dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu dan disahkan oleh doktor beliau meninggal akibat serangan jantung. Jenazah beliau selamat disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Banggol pada keesokan harinya, selepas subuh. Allahyarhamah adalah merupakan seorang anggota PKINK yang berdikdas dan bertanggungjawab di dalam menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan. Beliau telah berkhidmat dengan PKINK selama 24 tahun bermula Januari 1983 sebagai jurutrap, dan kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir pada Januari 2002 secara lantikan (KPSL).

Sebelum itu pada 6 Jun 2007 ayah kepada Siti Esah Idris, Pembantu Tadbir di Bahagian MIS telah kembali kerahmatullah di rumah kedimanya pada jam 6.00 pagi akibat serangan jantung. Allahyarham kembali kerahmatullah dalam usia 78 tahun dan meninggalkan seorang bala, Siti Esah merupakan anak bongsu dari 8 orang adik beradik, 4 lelaki dan 4 wanita. Jenazah Allayarham selamat disemadikan di tanah perkuburan Islam Paya Bemban.

PERSARAAN ANGGOTA


Seorang anggota PKINK Haji Suhane Ibrahim Araui telah bersara darai perkhidmatannya yang bermula 31 Mei 2007. Beliau sebelum ini berkhidmat di PKINK sebagai Pengurus

Perancangan Korporat telah memiliki bersara awal kerana ingin memberi tumpuan sepenuh masa kepada kerjayanya sebagai seorang usahawan. Bermula sebagai Pegawai Tadbir di PKINK pada 1 Januari 1999 dan ditempatkan sebagai Pegawai Khas Ketua Eksekutif. Pada 10 Julai 2001 beliau ditempatkan di Bahagian Perancangan Korporat sebagai Pengurus Bahagian sehingga alah membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatannya dengan PKINK. Sebelum ini beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Unit Trust Management Berhad (BUTMB) selama 10 tahun.

CUTI-CUTI IT




Pengisian cuti sekolah bagi anak-anak sering menjadi satu dilema bagi ibu bapa khususnya bagi mereka yang perihatin terhadap kualiti pengisian. Sebagai satu usaha ke arah itu Bahagian MIS PKINK telah memulakan kembali kelas IT untuk anak-anak anggota PKINK. Kelas Window, Ms Word, Ms Excel dan Internet telah dimanfaatkan oleh sekumpulan kecil anak-anak 10 – 12 tahun pada 5 – 7 Jun yang lalu.



TERMINAL IKAN TOK BALI (TIBA)

PERSPEKTIF 'TIBA'

SEBELUM PEMBINAAN




SELEPAS PEMBINAAN
FASA 1 (SIAP MEI 2006)



FASA 1:

- i. KOS PEMBANGUNAN PROJEK RM3.5 JUTA
- ii. TERMINAL PENDARATAN PENDARATAN SEPANJANG 105 METER MAMPU MENAMPUNG 18 BUAH BOT KELAC "C" PADA SATU MASA
- iii. 30 BUAH TUKU JUALAN IKAN
- iv. 30 LOT GERAI SAYUR DAN BARANGAN KERING
- v. 2 UNIT RUANG PEJABAT
- vi. KEMUDAHAN UTILITI
- vii. SERAMAI 68 PENIAGA MENDAPAT MANFAAT SECARA LANGSUNG

PEMBANGUNAN FASA 2



FASA II:

- i. PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKe9 SEBANYAK RM30.0 JUTA
- ii. PEMBINAAN DIMULAKAN PADA NOVEMBER 2006 DAN DIJANGKA SIAP JULAI 2007
- iii. KOMPONEN:
 - 8 UNIT GERAI MAKAN BERKELOMPOK
 - 2 UNIT RESTORAN MAKANAN LAUT
 - 8 BUAH WAKAF
 - PUSAT INFORMASI PELANCONGAN
 - JETI PELANCONGAN

